

Hasrat JKKK mahu lihat belia aktif tercapai

BATU PAHAT – Hasrat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sejagong/Sri Kepoh, Sri Medan, untuk melihat belia di kawasan itu aktif dan bergaul dengan masyarakat setempat tercapai apabila 150 orang menyertai Relas.

Pengerusi JKKK kawasan itu, Mursidi Munasir berkata, pada mulanya, pihaknya mengadakan perjumpaan dengan belia bagi memberi penerangan mengenai Relas.

Menurutnya, selepas itu, belia mula memberi maklum balas positif dengan mendaftarkan diri untuk menyertai Relas.

"Penyertaan mereka ini turut



Mursidi (tujuh, kanan) bersama penduduk dan belia yang terlibat dalam kerja-kerja mencantikkan landskap kampung dengan kerjasama UTM, Majlis Daerah Yong Peng dan Pejabat Daerah Batu Pahat, baru-baru ini.

membuka mata masyarakat mengenai belia yang sebelum ini dianggap sukar bergaul dengan mereka.

"Selain itu, belia di sini juga aktif dalam aktiviti gotong-royong," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata,

rentetan penglibatan belia dalam aktiviti kampung, kawasan itu banyak mengadakan pelbagai program dengan kerjasama beberapa pihak ter-

masuklah institut pengajian tinggi (IPT) dan badan kerajaan.

"Sehingga kini, kami dipilih oleh beberapa IPT untuk melaksanakan program anak angkat seperti International Medical University (IMU), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

"Selain itu, kampung ini turut mengadakan kerjasama dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), malah menjadi anak angkat dan kampung contoh kepada Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim (YPKDT)," katanya.